

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 JUN 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Dagangan catat lonjakan sebanyak 27.8 peratus: DoSM

# Dagangan catat lonjakan sebanyak 27.8 peratus: DoSM

**Kuala Lumpur:** Malaysia mencatatkan lonjakan dalam jumlah perdagangan sebanyak 27.8 peratus kepada RM2.8 trilion pada 2022 berbanding RM2.2 trilion setahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Eksport meningkat 25 peratus kepada RM1.6 trilion pada 2022 berbanding RM1.2 trilion pada 2021, manakala import meningkat 31.3 peratus kepada RM1.3 trilion berbanding RM987.3 bilion setahun sebelumnya, katanya dalam satu kenyataan sempena laporan Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2023 semalam.

Ia berkata tujuh negeri mencatatkan pertumbuhan dua digit untuk eksport dan import iaitu Labuan, Sarawak, Kedah, Johor, Perlis,

Pulau Pinang dan Sabah.

Eksport yang lebih tinggi dicatatkan di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (RM107.7 bilion, 30.3 peratus), Johor (RM84.7 bilion, 35.2 peratus), Sarawak (RM45.4 bilion, 52.7 peratus), Selangor (RM22.4 bilion, 8.8 peratus), Kedah (RM14.4 bilion, 36.1 peratus), Sabah (RM8.8 bilion, 27.0 peratus), Labuan (RM8.2 bilion, 75.3 peratus), Kuala Lumpur (RM2.9 bilion, 4.5 peratus), dan Pahang (RM2.9 bilion, 8.9 peratus), katanya.

Jabatan itu berkata eksport juga meningkat di Negeri Sembilan (RM2.2 bilion, 9.4 peratus), Melaka (RM1.2 bilion, 4.1 peratus), Kelantan (RM1.2 bilion, 42.1 peratus), Perlis (RM392.1 juta, 34.2 peratus) dan Terengganu (RM325.7 juta, 1.9 peratus).